



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN KUIZ
KUALITI AIR SEKOLAH MENENGAH
SEBERANG PERAI**

**12 MEI 2018 (SABTU)
9.30 PAGI**

**TAMAN EKO RIMBA, CHEROK TO'KUN
BUKIT MERTAJAM**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Profesor Dr Chan Ngai Weng

Yang Dipertua Water Watch Penang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-Guru

Murid-Murid Sekolah

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam menjayakan Majlis Pelancaran Pertandingan Kuiz Kualiti Air yang melibatkan Sekolah-Sekolah Menengah di seluruh Seberang Perai. Terima kasih juga yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Water Watch Penang dan Universiti Sains Malaysia kerana sudi berkerjasama dengan MPSP dalam merangka satu program latihan kesedaran dan pendidikan kualiti air sungai kepada murid-murid sekolah menengah khususnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada hari Majlis Pelancaran ini, kita memilih Taman Eko Rimba ini yang mempunyai keluasan 37.0 hektar sebagai tapak pelancaran memandangkan lokasi ini begitu menarik dan pelbagai aktiviti riadah dapat dilaksanakan di sini seperti berkelah, mandi manda dan beristirehat. Suasana dan keadaan persekitaran yang menyamankan dan menenangkan dapat menghilangkan stress dan kita dapat menikmati keindahan pemandangan daripada puncak.

Air merupakan sumber yang penting dalam kehidupan kita khususnya makhluk bernyawa. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga sumber yang diberikan ini supaya ianya tidak tercemar dan menjejaskan kualitinya. Untuk pembangunan mampan, sungai perlu diurus secara bersepadu dan holistik melalui penglibatan semua pihak atau *stakeholders* dengan meningkatkan kesedaran, pendidikan dan komitmen.

Air sungai boleh dinilai kualitinya secara fizikal, contohnya seperti air tersebut kelihatan berminyak, terdapat bangkai haiwan atau tumbuhan yang mati, warna air berubah dan tiada kehidupan aquatik. Air sungai akan berbau disebabkan beberapa perkara, antaranya terdapat kandungan sulphite, sisa pembetulan, bahan reput atau keladak yang berlebihan.

Oleh itu pemeliharaan dan pemuliharaan kualiti air amat penting kerana ianya adalah salah satu sumber asas bagi kehidupan manusia. Air sisa domestik yang berpunca dari sinki, bilik air dan mesin basuh ini lebih dikenali dengan nama '*grey water*'. Aktiviti manusia yang melepaskan air sisa secara terus ke dalam sungai akan menyebabkan punca kualiti air semakin merosot.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Atas keprihatinan itu, MPSP telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kualiti air. Antaranya:

- i. Program *Environment Conservation Awareness Event 2018* yang dianjurkan bersama-sama South Island Garment Sdn. Bhd. dan Armstrong Technology Sdn. Bhd. pada 24 Mac 2018. Program ini yang diadakan sempena Hari Air Sedunia 2018 melibatkan rawatan dan pemulihan kualiti air di Sungai Derhaka, Seberang Jaya menggunakan *EM Mudballs*. Sebanyak 1,000 *mudballs* dilontar ke dalam sungai setiap bulan. Sehingga kini, secara keseluruhan sebanyak 60,000 *mudballs* telah dimasukkan ke dalam Sungai Derhaka.
- ii. Sempena Hari Air Sedunia 2018, MPSP juga telah melancarkan borang akujanji atas talian (*Online Pledge Form*) bagi penjimatan air. Borang akujanji ini boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi MPSP dan Laman Facebook Rasmi MPSP. Borang akujanji ini akan dibuka untuk capaian dalam tempoh satu (1) bulan bermula 22 Mac 2018 hingga 20 April 2018. Susulan daripada akujanji ini, MPSP akan membuat pemantauan berkala ke atas warga

Seberang Perai yang menandatangani akujanji ini ke arah memastikan penjimatan air dapat dilaksanakan di Seberang Perai.

- iii. Perayaan Sungai Perai di Taman Kimsar bersempena Hari Tindakan Antarbangsa Untuk Sungai 2018 yang dianjurkan bersama-sama Think City Sdn. Bhd., Zart Gallery Sdn. Bhd. dan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran pada 31 Mac 2018. Tujuan perayaan ini adalah untuk meraikan nilai-nilai sungai yang sihat, dan mendidik serta menyebarkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pemuliharaan tadahan air atau lembangan sungai dan kepentingan pengurusan sungai dan saluran air yang adil dan mampan.
- iv. Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) yang bertujuan untuk membangunkan Pelan Pengurusan dan Pembangunan bagi dua (2) lembangan sungai di Seberang Perai, iaitu Sungai Junjung dan Sungai Juru, ke arah pemuliharaan, pengurusan dan mengembalikan semula ekosistem semulajadi sumber air sungai. Pelan-pelan induk yang akan dibangunkan adalah:-

- Pelan Induk Ke Arah Banjir Sifar.
- Pelan Induk Pelaksanaan *Total Maximum Daily Load* (TMDL).
- Pelan Induk Hidraulik Saliran Bandar.
- Pelan Induk Pengurusan Hakisan
- Enapan Sungai Serta Pelan Induk Pengurusan Muara Sungai.

Projek ini telah pun bermula pada September 2017 dan dijangka siap pada tahun 2019. Peruntukan sebanyak RM2,347,576.70 telah disediakan untuk pengumpulan maklumat serta data yang komprehensif meliputi ciri-ciri dan morfologi sungai, keadaan semasa dari segi kuantiti (hidrologi dan hidraulik) sungai, kualiti air sungai, aktiviti guna tanah di dalam lembangan sungai dan bentuk muka bumi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi memupuk kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah, MPSP telah mewujudkan Program Latihan dan Kesedaran Kualiti Air yang telah bermula pada 8 Mac 2017 dan sebanyak tujuh (7) buah sekolah telah mengambil bahagian dalam tahun 2017. Sasaran ialah 20 buah sekolah menyertai program ini sebelum akhir bulan Oktober 2018.

Pada 17 November 2018, akan diadakan Pertandingan Kuiz Kualiti Air ini di Autocity Juru. Setiap sekolah disarankan menghantar tiga (3) orang murid bagi program ini. Soalan-soalan akan berasaskan tempatan, nasional dan global dan berjumlah 200 soalan. Bagi soalan tempatan, maklumat-maklumat boleh dilayari di Laman Web MPSP atau Water Watch Penang. Hadiah-hadiah yang akan ditawarkan adalah seperti bagi Johan akan membawa pulang RM800.00, Naib Johan sebanyak RM600.00, Ketiga sebanyak RM400.00 dan tujuh (7) hadiah saguhati RM200.00 setiap satu.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Zerex Resources (M) Sdn. Bhd. kerana sudi menaja hadiah wang tunai dan Autocity sebagai penaja lokasi. Saya berharap dengan wujudnya program sebegini, secara tidak langsung dapat memberikan pengetahuan, latihan dan kesedaran tentang pentingnya kita menjaga kualiti air.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada Water Watch Penang, Universiti Sains Malaysia, Zerex Resources (M) Sdn. Bhd., Autocity Juru dan badan-badan Korporat yang terlibat secara langsung dalam program-program kualiti air di Seberang Perai. Dengan ucapan Bismillahhirahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Pertandingan Kuiz Kualiti Air Sekolah Menengah Seberang Perai.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.